TERBITAN UNIT KOMUNIKASI KORPORAT KPPK

BULETIN KOMODITI

EDISI NOVEMBER



PERUNTUKAN RM1.5 JUTA PERKASA UKIRAN KAYU TERENGGANU

CARI KAEDAH PROMOSI UKIRAN KAYU DI PEJABAT KERAJAAN

MALAYSIA PENGEKSPORT KAYU PERABOT KEENAM TERBESAR DI DUNIA

www.mpic.gov.my myMPICmalaysia mpic_my CCTV MPIC

Eksport perabot dijangka meningkat kepada RM13 bilion tahun ini

KOTA TINGGI
1 NOVEMBER 2021

Malaysia mampu bersaing di peringkat antarabangsa untuk mendapatkan pasaran perabot kayu memandangkan mendapat permintaan tinggi.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Wee Jeck Seng berkata, perabot kayu Malaysia mendapat permintaan tinggi daripada Amerika Syarikat (AS) dan Eropah.

"Kita mencatatkan sebanyak RM11 bilion nilai eksport dan ia dijangka meningkat tahun ini kepada RM13 bilion kerana permintaan meningkat," katanya selepas melawat Stesen Penyelidikan Lembaga Getah Malaysia (LGM) di Penawar, di sini.

Tambah beliau, AS dan Eropah merupakan pasaran tradisional pasaran perabot negara dan perabot kayu getah yang merupakan sumber boleh diperbaharui yang dikategorikan sebagai kayu balak mampan telah mendapat permintaan tinggi.

Sementara itu, Jeck Seng memberitahu, kerajaan sentiasa berusaha membantu meningkatkan pendapatan kira-kira 450,000 pekebun kecil getah, antaranya menerusi platfrom urusniaga getah secara tender atas talian MyROL yang dibangunkan LGM. -MALAYSIAGAZETTE



Moody's Investors naikkan unjuran harga sawit sehingga RM3,200

KUALA LUMPUR
2 NOVEMBER 2021



Moody's Investors Service (Moody's) menyemak naik julat sensitiviti harga minyak sawit mentah (MSM) bagi sepanjang tahun hadapan kepada RM2,800 hingga RM3,200 satu tan daripada RM2,200 hingga RM2,600 satu tan.

Naib Presiden dan Penganalisis Kanannya Maisam Hasnain berkata semakan itu dibuat berdasarkan faktor gangguan bekalan, paras inventori yang rendah serta harga minyak saingan yang kukuh.

Menurutnya, biarpun harga MSM tidak akan susut secara ketara dalam masa terdekat, harga komoditi itu juga dijangkakan tidak dapat bertahan dalam jangka panjang.

"Harga MSM meneruskan aliran yang bermula pada pertengahan tahun lepas. Malah, kekangan bekalan termasuk kekurangan tenaga kerja di negara pengeluar utama seperti Malaysia (A3, stabil), akan menyaksikan harga MSM kekal meningkat sepanjang 2022," katanya dalam kenyataan.

Hasnain berkata biarpun Malaysia berhasrat membenarkan kemasukan semula 32,000 pekerja asing bagi sektor perladangan, usaha-usaha untuk menampung kerja terbabit akan memakan masa dan kekangan bekalan itu dijangka terus wujud bagi tempoh enam hingga 12 bulan akan datang. -BH

Iran-Malaysia perlu bekerjasama dalam diplomasi budaya – Duta



KUALA LUMPUR
7 NOVEMBER 2021

Duta Iran ke Malaysia, Ali Asghar Mohammadi berkata diplomasi budaya memainkan peranan penting untuk memupuk persefahaman dan memartabatkan hubungan dua hala Iran-Malaysia.

Mohammadi berkata banyak yang boleh ditawarkan oleh kedua-dua negara, contohnya Putrajaya dan Isfahan masing-masing mempunyai keunikan tersendiri yang boleh dipromosikan kepada rakyat kedua-dua negara.

Jambatan Putra, satu daripada jambatan terkenal di Putrajaya yang menghubungkan Dataran Putra dengan Persiaran Perdana, yang reka bentuknya bercirikan seni bina Islam diilhamkan daripada Jambatan Khaju yang popular di Isfahan.

"Tradisi dan perayaan di negara ini, saya fikir ini adalah sesuatu aspek yang perlu kita pelajari antara satu sama lain. Kita (Iran) juga ada pelukis berbakat yang datang ke Malaysia, mereka mempunyai lukisan dan kaligrafi yang sangat bagus," katanya kepada Bernama ketika kunjungan hormatnya kepada Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Senator Datuk Ras Adiba Radzi di Wisma Bernama di sini, baru-baru ini .

Mengenai hubungan ekonomi, beliau berkata Iran adalah satu daripada pengimport terbesar minyak sawit Malaysia dalam kalangan negara di Timur Tengah dan bersedia untuk terus meningkatkan import minyak sawit dari Malaysia.

Tahun lalu, eksport minyak sawit Malaysia ke Iran dianggarkan sebanyak 320,000 tan dan sehingga Mei tahun ini, sejumlah 238,683 tan minyak sawit bernilai lebih RM970 juta telah dieksport ke negara itu. -BH

MPOB tawar kepakaran tingkat produk minyak sawit



KUALA LUMPUR
5 NOVEMBER 2021

Pengilang dan pengeluar produk minyak dan lemak wajar memanfaatkan kemudahan loji rintis dan makmal canggih Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) serta kepakaran penyelidikan dan pembangunannya (R&D) dalam pembuatan produk minyak dan lemak.

Ketua Pengarah MPOB Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir berkata MPOB sudah banyak melabur dalam loji rintis tersebut yang kebanyakannya terletak di ibu pejabatnya di Bangi.

"Loji perintis dan kemudahan makmal MPOB juga disewakan kepada pengeluar untuk penyediaan sampel produk makanan berasaskan minyak sawit untuk pengembangan pasaran atau percubaan formulasi baharu atau menambah baik formulasi.

"Kemudahan ini juga berguna untuk pengeluar minyak dan lemak bagi memformulasikan dan pengoptimuman proses," katanya dalam satu kenyataan. -BH

Kemasukan semula buruh asing legakan peneroka



JENGKA
7 NOVEMBER 2021

Kemasukan buruh asing khususnya dalam sektor perladangan yang dijangka bermula hujung bulan ini memberikan khabar gembira buat peneroka Felda di Wilayah Jengka yang menagih khidmat buruh berikutan kekurangan tenaga tersebut di ladang sawit mereka.

Pembekuan pengambilan pekerja asing sebelum ini menyebabkan sektor perladangan berdepan masalah biarpun pelbagai usaha dilakukan untuk menarik warga tempatan bekerja dalam sektor itu, namun tidak mendapat maklum balas positif.

Ketua Peneroka Felda Wilayah Jengka, Sulaiman Bakar, 69, menyifatkan langkah kerajaan membawa masuk buruh asing amat dialu-alukan oleh peneroka terlibat.

"Cuma kita harapkan proses itu dapat dipercepatkan untuk memenuhi keperluan yang semakin mendesak untuk mereka yang ingin mengeluarkan hasil ladang," katanya kepada Sinar Harian pada Sabtu. -SINARHARIAN

Harga MSM perkukuh tinjauan sektor perladangan



KUALA LUMPUR
6 NOVEMBER 2021

Maybank Investment Bank (Maybank IB) Research mengekalkan saranan positif ke atas sektor perladangan serantau berdasarkan jangkaan bahawa peningkatan harga minyak sawit mentah (MSM) melebihi paras RM3,000 dalam masa terdekat.

Memetik pandangan veteran industri, Datuk Yeo How, cabang penyelidikan Maybank Investment Bank Bhd itu berkata harga MSM dijangka kekal positif berikutan keadaan bekalan global yang terhad selain jangkaan pemulihan pengeluaran minyak sawit pada separuh kedua 2021 yang sukar direalisasikan.

Maybank IB Research sebelum ini menganjurkan sesi prospek harga komoditi itu dengan Yeo yang juga presiden penggiat minyak sawit global, Apical Group, bagi mendapatkan pandangan beliau.

"Walaupun tidak menyatakan harga sasaran secara khusus, namun Yeo berpendapat harga MSM tidak mungkin di bawah paras RM3,000 satu tan pada masa terdekat, malah ia sedang menjejaki petunjuk harga minyak saingan. -BH

United Plantations catat untung RM154.15 juta



KUALA LUMPUR
8 NOVEMBER 2021

Keuntungan bersih United Plantations Bhd melonjak kepada RM154.15 juta pada suku ketiga berakhir 30 September 2021 daripada RM95.33 juta pada suku ketiga tahun 2020.

Perolehan melonjak 9.1 peratus tahun ke tahun kepada RM525.5 juta daripada RM334.04 juta sebelumnya disebabkan pendapatan yang lebih tinggi daripada kedua-dua segmen perladangan dan penapisan, masing-masing meningkat sebanyak 19.2 peratus dan 8.7 peratus.

Bahagian perladangan merekodkan pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) dan isirong sawit (PK) yang lebih baik kerana kedua-duanya bertambah masing-masing sebanyak 7.5 peratus dan 13.8 peratus dan purata harga MSM dan PK masing-masing naik sebanyak 5.7 peratus dan 0.9 peratus berbanding suku kedua 2021. -BH

"Dengan harga MSM Lembaga Minyak Sawit Malaysia yang lebih tinggi pada suku semasa, cukai luar jangka berjumlah RM15.9 juta, 25.5 peratus lebih tinggi daripada suku sebelumnya," katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia. -BH

Programme for family-owned timber businesse

PUTRAJAYA
8 NOVEMBER 2021



THE Young Entrepreneur Society (YES) is an online programme organised by the Plantation Industries and Commodities Ministry. It was launched by Deputy Plantation Industries and Commodities Minister DatukSeriDrWeeJeckSenginconjunction with the #KeluargaMalaysia: Minggu Agrikomoditi 2021@ MyKomoditi 2021.

Initiated by Malaysian Timber Council (MTC), the YES programme is specially tailored for founders and successors of family-owned businesses to prepare them for eventual succession.

This is part of MTC's efforts to nurture competent, knowledgeable and successful leaders in the timber industry.

MTC chief executive officer Muhtar Suhaili said, "There is no silver bullet to ensure a smooth transition but with careful and measured approaches, succession planning is within the control of all businesses, regardless of size. -THESTAR

Pengeluaran industri mulai pulih pada September



KUALA LUMPUR
9 NOVEMBER 2021

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia meningkat 2.5 peratus pada September 2021 berbanding bulan sama pada tahun sebelumnya, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata pengembangan itu disumbangkan oleh kenaikan 4.0 peratus dalam indeks pembuatan dan 0.4 peratus dalam indeks elektrik manakala indeks perlombongan mencatatkan penyusutan 3.0 peratus.

"Dari segi perbandingan bulan ke bulan, IPP meningkat 3.7 peratus didorong oleh sektor pembuatan dan elektrik," katanya dalam kenyataan.

Dalam pada itu, IPP bagi suku tahun ketiga 2021 susut 1.1 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya dan penguncupan itu disebabkan oleh kejatuhan dalam indeks elektrik, indeks perlombongan dan indeks pembuatan yang masing-masing mencatatkan 3.1 peratus, 2.2 peratus dan 0.7 peratus. -BH

Berjimat, melabur ketika harga sawit tinggi



IPOH
10 OKTOBER 2021

Peneroka Felda yang sedang menikmati harga jualan kelapa sawit tinggi ketika ini dinasihatkan supaya berjimat atau melaburkan pendapatan mereka ke dalam Koperasi Permodalan Felda.

Ketua Peneroka Felda Kebangsaan, Sulong Jamil Mohamed Shariff berkata, harga jualan sawit sekitar RM1,200 satu metrik tan ketika ini adalah yang tertinggi pernah dicatatkan mengatasi harga paling tinggi sebelum ini kira-kira RM800 satu metrik tan.

Menurutnya, setelah ditolak pelbagai kos terutama upah, peneroka dianggarkan meraih pendapatan sekitar RM7,000 hingga RM8,000 sebulan berdasarkan keluasan tanah yang mereka usahakan.

"Peneroka perlu berjimat sebagai persediaan jika harga sawit kembali jatuh kerana harganya pernah serendah RM300 satu metrik tan.

"Peneroka juga boleh melaburkan pendapatan mereka dalam Koperasi Permodalan Felda. Walaupun dividennya ketika ini agak kecil, untuk jangka masa panjang, mungkin dividen yang diperoleh boleh seperti dahulu iaitu antara 15 hingga 16 peratus," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia. -UTUSAN

Pasaran getah Malaysia ditutup tinggi

KUALA LUMPUR
10 NOVEMBER 2021



PASARAN getah Malaysia ditutup tinggi pada Rabu, disokong oleh kenaikan harga minyak mentah di tengah-tengah petunjuk prestasi bercampur-campur daripada pasaran niaga hadapan getah serantau, kata seorang peniaga.


Penanda aras minyak mentah Brent menokok 0.5 peratus kepada AS$85.18 setong.

Bagaimanapun, beliau berkata, kenaikan selanjutnya dihadkan oleh peningkatan data harga kilang Amerika Syarikat (AS) dan China yang menambah kebimbangan bahawa penggubal dasar mungkin perlu menaikkan kadar faedah.

Data Jabatan Tenaga Kerja AS menunjukkan Indeks Harga Pengeluar (PPI) bagi permintaan akhir meningkat 0.6 peratus dari bulan sebelumnya dan 8.6 peratus dari setahun sebelumnya disebabkan kos barangan yang lebih tinggi, menimbulkan kebimbangan tekanan inflasi yang berterusan ke atas ekonomi. -SINARHARIAN

Industri sawit Malaysia terjejas, tenaga kerja tidak mencukupi

KUALA LUMPUR
17 NOVEMBER 2021



Malaysia tidak mempunyai tenaga kerja yang mencukupi untuk kerja-kerja penuaian di ladang kelapa sawit, kata Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

Setiausaha Bahagian Penggalakan Inovasi dan Modal Insan Industri (PIMI) KPPK, Syahnaz Akhtar Mat Ali berkata, usaha kementerian untuk menarik pekerja tempatan bagi kerja-kerja menuai terhalang oleh skop pekerjaan yang disifatkan tidak menarik bagi penduduk tempatan.

Persepsi negatif telah menjejaskan industri, menyebabkan industri terpaksa mencari lebih banyak tenaga kerja asing.

"Selepas meminta kerajaan memberikan kelulusan khas, kami berjaya mendapatkan 32,000 (pekerja asing) sejak beberapa minggu lalu, tetapi saya rasa ini masih tidak mencukupi untuk pemain industri," tambahnya. -SINARHARIAN

Eksport getah asli negara meningkat



PUTRAJAYA
11 NOVEMBER 2021

Eksport getah asli Malaysia meningkat sebanyak 5.3 peratus kepada 62,332 tan metrik pada September 2021 berbanding 59,172 tan metrik pada Ogos 2021, kata Jabatan Perangkaan Malaysia.

Dalam satu kenyataan, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata China terus mendominasi sebagai pengimport tertinggi getah asli iaitu 46.0 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada September 2021, diikuti Amerika Syarikat (13.1 peratus), Jerman (4.3 peratus), Pakistan (2.5 peratus) dan Finland (2.1 peratus).

"Prestasi eksport produk getah negara disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom.

"Produk sarung tangan getah adalah eksport utama dengan nilai sebanyak RM3.1 billion pada September 2021, menurun sebanyak 2.2 peratus berbanding Ogos 2021 pada RM3.8 billion," kata beliau. -BH

Peniaga tawar produk buatan tempatan berkualiti tinggi



LANGKAWI
14 NOVEMBER 2021

Kalangan peniaga menaruh harapan tinggi agar produk buatan tempatan menjadi pilihan pelancong ketika berbelanja di Pulau Langkawi.

Pengusaha coklat, Naimah Natzeri dari Kampung Temonyong di sini berkata, produk coklat yang diusahakan secara aktif oleh kira-kira lima pengusaha terdiri daripada penduduk tempatan setanding dengan produk luar negara.

"Alhamdulillah pelanggan berpuas hati dengan rasa coklat buatan penduduk pulau ini dan mereka beritahu ia setanding dengan coklat import yang banyak dijual di sini.

"Sehubungan itu, saya berharap pelancong tempatan dan luar negara memberi sokongan kepada kami dengan membeli produk Pulau Langkawi dan membawa pulang ke negeri atau negara masing-masing," katanya ketika ditemui pada Majlis Perasmian Kempen Beli Barangan Malaysia 2021 di Dataran Pantai Chenang. -KOSMO

Kerajaan proaktif tangani isu sektor sarung tangan



KUALA LUMPUR
16 NOVMBER 2021

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) mengambil pendekatan proaktif bagi menangani perkara pematuhan sosial membabitkan isu-isu negatif berkaitan tenaga kerja dalam industri sarung tangan Malaysia.

Menterinya, Datuk Zuraida Kamaruddin, berkata dari segi Piagam Hak Pekerja, usaha-usaha sudah pun diambil bagi mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 yang membabitkan standard minimum perumahan dan penginapan untuk pekerja.

Beliau berkata, kementerian juga berharap untuk terbabit dalam sesi libat urus dengan pihak berkuasa antarabangsa yang relevan bagi menangani tuduhan-tuduhan membabitkan khidmat pekerja asing.

"Kita berharap ini akan turut menggalakkan kalangan penggiat industri untuk menjaga pekerja masing-masing mengikut ketetapan amalan industri relevan dan mewujudkan persekitaran kerja yang sihat," katanya dalam satu kenyataan. -BH

KPPK pastikan harga komoditi stabil



KUALA LUMPUR
16 NOVEMBER 2021

Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) melaksanakan pelbagai strategi di peringkat antarabangsa dan domestik untuk memastikan harga komoditi negara berada dalam keadaan stabil.

Menterinya, Dato' Zuraida Kamaruddin, berkata ini termasuk memperkukuh kerjasama strategik dengan negara pengeluar utama komoditi melalui platform antarabangsa seperti Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit, International Tripartite Rubber Council (ITRC) dan International Pepper Community (IPC).

Katanya, kerjasama ini membolehkan perancangan dan pelaksanaan pelbagai aktiviti untuk memperkukuhkan harga serta memantapkan lagi amalan persekitaran mampan, pengurusan bekalan, aktiviti promosi dan pembangunan industri komoditi dari sektor hiliran hingga ke huluan.

"KPPK juga berusaha meningkatkan permintaan melalui pengukuhan pasaran sedia ada dan penerokaan pasaran baharu seperti ke benua Afrika dan Afrika serta negara Timur Tengah.

"Pada masa sama, usaha dilakukan untuk meningkatkan penggunaan dalam negara melalui pembangunan pelbagai produk baharu berasaskan komoditi," katanya ketika menjawab soalan lisan Che Alias Hamid (PAS-Kemaman) di Dewan Rakyat. -HARAKAHDAILY

No plans to restrict export of crude palm oil, says Zuraida



KUALA LUMPUR
16 NOVEMBER 2021

There are no plans by Malaysia to restrict the export of crude palm oil (CPO), said Datuk Zuraida Kamaruddin .

She noted that Indonesia is able to restrict the export of CPO as the commodity is subsidised by the government there."Indonesia imposes a levy of RM1,500 higher than what is imposed by Malaysia on exportat of CPO."Also, palm oil is subsidised in Indonesia as they are focusing on its use for biodiesel, while we are subsidising petroleum here," she said.

On a related issue, Zuraidi said a total of 30,000 foreign workers are expected to begin arriving into the country to work in the palm oil plantations by the end of this month.

"I am aware that about 40% of the nation's palm oil harvest is done during the year end, and amounts to some RM30bil. I will not allow this to go unheeded and allow the palm oil fruits to be left unharvested."I will push the Human Resources Ministry to expedite the intake of the foreign workers," she added. -HEADTOPICS

Colombia, Ghana antara empat negara anggota baharu CPOPC

KUALA LUMPUR
16 NOVEMBER 2021

Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) akan menambah empat negara anggota baharu iaitu Colombia, Ghana, Honduras dan Papua New Guinea, kata Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin.

Pada masa ini, CPOPC dianggotai oleh Malaysia dan Indonesia.

Beliau berkata, penambahan empat negara anggota baharu itu dapat mewujudkan satu gabungan strategik dalam usaha CPOPC menstabilkan harga sawit pada tahun depan.

"Selain itu, penyertaan baharu ini akan dapat mengukuhkan kawalan terhadap pasaran sawit dalam kalangan anggota CPOPC dan memastikan bahagian pasaran di luar negara dapat dipertingkatkan," katanya pada sidang Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan Che Alias Hamid (PAS-Kemaman) yang bertanya mengenai perancangan strategik Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi bagi menghadapi ketidaktentuan harga komoditi yang dijangka berlaku pada 2022. -HMETRO

CPOPC
COUNCIL OF PALM OIL PRODUCING COUNTRIES

TARGET bakal dilancar, pertingkat pendapatan pekebun kecil getah



KUALA LUMPUR
16 NOVEMBER 2021

Program Transformasi Perusahaan Getah Nasional (TARGET) bakal dilancarkan bulan depan.

Inisiatif itu bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah di seluruh negara, sekaligus memupuk nilai daya saing dan kemampanan sektor pertengahan industri getah.

TARGET akan menyatukan golongan belia terdiri daripada pekebun kecil, peniaga, usahawan dan koperasi kecil getah untuk membentuk sebuah konsortium atau koperasi lebih besar.

Koperasi ini akan memproses getah skrap dikeluarkan pekebun kecil kepada getah krip yang lebih bernilai tambah.

Projek tersebut akan dilaksana dengan sasaran 200 pekebun kecil getah bagi setiap koperasi yang layak. Datuk Zuraida menjawab pertanyaan wakil Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim. -BERITARTM

Pelaksanaan IPG jaga kebajikan pekebun kecil, industri getah



KUALA LUMPUR
16 NOVEMBER 2021

Kerajaan akan memperhalusi dan mengkaji secara komprehensif berhubung kenaikan Paras Harga Pengaktifan (PHP) Insentif Pengeluaran Getah (IPG) bagi mengelak beban kewangan lebih besar kepada kerajaan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin berkata, pada masa sama kerajaan tetap akan menjaga kebajikan pekebun kecil dan industri getah negara.

Katanya, hasil kajian impak pelaksanaan IPG yang sedang berjalan sekarang akan dibentang kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.

"IPG adalah satu insentif yang disediakan kerajaan untuk meringankan beban ekonomi pekebun kecil getah kesan dari kejatuhan harga getah.

"Di samping itu, pelaksanaan IPG juga bertujuan untuk memberi galakan kepada pekebun kecil agar terus menoreh bagi menjamin bekalan getah domestik dapat memenuhi keperluan sektor pemprosesan dan hiliran getah negara," katanya di Parlimen. -MALAYSIAGAZETTE

Harga tinggi BTS ringankan kerugian peneroka FeldaKomoditas Sawit



KUALA LUMPUR
18 NOVEMBER 2021

KENAIKAN harga buah tandan segar (BTS) sawit yang kini mencecah RM1,000 satu tan berupaya meringankan kerugian yang dialami peneroka Felda akibat kekurangan tenaga buruh asing untuk menuai hasil sawit di ladang mereka.

Malah, Ketua Peneroka Felda Kebangsaan, Sulong Jamil Mohamed Shariff berkata, para peneroka boleh menarik nafas lega berikutan berpeluang meningkatkan pendapatan apabila pengeluaran BTS diramal kembali pulih dengan bantuan pekerja asing yang dijangka kembali bekerja tidak lama lagi.

Menurutnya, secara purata mereka mampu meraih sekitar 10 hingga 12 tan BTS sebulan (RM1,000 satu tan) bagi pokok yang matang dengan mencatatkan pendapatan bersih antara RM7,000 hingga RM9,000 sebulan.

Sulong Jamil menyifatkan inilah masanya untuk para peneroka menjana pendapatan yang lebih besar dan simpanan untuk masa depan memandangkan harga BTS telah merosot sekitar RM300 satu tan pada dua tahun lepas. -SINARHARIAN

MARCOP tangani kekurangan pekerja asing sektor sawit



KUALA LUMPUR
18 NOVEMBER 2021

Konsortium Penyelidikan Mekanisasi dan Automasi Sawit (MARCOP) yang dilancarkan, akan memberi tumpuan kepada teknologi mekanisasi dan automasi terkini dalam kerangka Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dalam kenyataan berkata konsortium yang ditubuhkan bagi meningkatkan aktiviti penyelidikan bagi mekanisasi dan automasi perladangan sawit akan turut memberi penekanan terhadap penggunaan teknologi seperti dron, robot serta sensor bagi operasi bersepadu dan sistematik.

"Konsortium ini sudah diberi mandat bagi mengembangkan teknologi dan inovasi melalui perkongsian kepakaran penyelidikan bersama pihak industri, teknokrat dan ahli akademik.

"Malah KPPK sendiri melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sudah memulakan program latihan untuk belia berkaitan mekanisasi bagi menarik tenaga kerja tempatan bekerja di ladang.

"Dengan harga pasaran minyak sawit yang tinggi dan kukuh, penggiat industri komoditi diseru untuk melabur dalam teknologi terutamanya mekanisasi dan automasi sebagai alternatif kepada penggunaan tenaga buruh asing terutamanya untuk penuaian," katanya. -BH

Geran RM35 juta untuk skim tanaman baharu sawit



SIMUNJAN
19 NOVEMBER 2021

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan geran sebanyak RM35 juta di bawah Bajet 2022 bagi skim penanaman baharu kelapa sawit pekebun kecil, kata Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Willie Mongin.

Beliau berkata, selain peruntukan geran itu, pekebun kecil akan turut diberikan benih klon kelapa sawit berkualiti serta baja bagi membolehkan mereka meningkatkan hasil kebun mereka.

"Kalau dulu semasa kerajaan Pakatan Harapan (PH), geran ini telah ditukarkan kepada pinjaman. Ini telah membebankan pekebun kecil tapi sekarang pekebun kecil boleh menarik nafas lega dan dapat memulakan penanaman baharu mereka," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan tapak 'ramp' Koperasi Penanaman Sawit Mampan (KPSM) Daerah Serian Berhad dalam Program Jelajah Agrikomoditi Ke Pusat Timbang KPSM Daerah Serian Berhad di Kampung Sabun di sini pada Jumaat. -SINARHARIAN

Pekebun di Sarawak diminta berwaspada dengan kartel

SIMUNJAN
19 NOVEMBER 2021

Pekebun kelapa sawit di Sarawak diminta berwaspada terhadap kartel yang cuba memanipulasi harga dan mengambil peluang terhadap mereka dalam urusan jual beli buah kelapa sawit.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Willie Anak Mongin berkata, ini kerana kartel terbabit sudah ada dikesan di Bintulu dan Sibu.

"Aktiviti kartel memang wujud di daerah Bintulu dan Sibu dan kita tahu siapa dibelakangnya," katanya ketika sidang media selepas merasmikan tapak ramp Koperasi Penanaman Sawit Mampan (KPSM) Daerah Serian Berhad di Program Jelajah Agrikomoditi ke Pusat Timbang KPSM Daerah Serian Berhad di Kampung Sabun.

Wiliie pada masa sama turut memberi amaran kepada kartel terbabit yang pihaknya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka. -SANASINISINUN



Eksport produk agrikomoditi melonjak RM155 bilion



PUTRAJAYA
19 NOVEMBER 2021

Perolehan eksport produk agrikomoditi bagi suku ketiga tahun ini melonjak sebanyak 49 peratus kepada RM155 bilion berbanding RM104 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun lalu.

Menurut Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), faktor peningkatan ini berikutan kenaikan harga harian minyak sawit mentah sehingga yang tertinggi dalam sejarah iaitu RM5,404 setiap tan dan pertambahan lebih 100 peratus eksport sarung tangan getah.

"Sehingga September lalu, produk berasaskan sawit yang merupakan penyumbang terbesar sebanyak 48 peratus daripada jumlah eksport agrikomoditi, mencatatkan peningkatan kepada RM74 bilion.

"Nilai yang dicatatkan bagi tempoh sama pada tahun sebelumnya adalah RM52 bilion. Namun begitu, kuantiti eksport produk berasaskan sawit mencatatkan penurunan sebanyak enam peratus," katanya dalam satu kenyataan. -KOSMO

Malaysia bentang kedudukan industri sawit negara di WTO Januari



KUALA LUMPUR
24 NOVEMBER 2021

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) akan membentangkan laporan kedudukan industri sawit negara pada sesi pendengaran susulan tindakan diambil Malaysia ke atas Kesatuan Eropah (EU) berhubung kempen antiminyak sawit, Januari tahun depan.

Menterinya, Datuk Zuraida Kamaruddin, berkata beliau akan mewakili Malaysia untuk membentangkan laporan itu pada persidangan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) nanti.

Buat masa ini, beliau berkata, sudah ada sesi perbincangan secara maya berhubung perkara itu.

"Secara kebetulan, semalam ada pertemuan wakil EU dengan kementerian di mana nada mereka lebih 'lembut' berbanding dalam laporan media yang dilihat sangat keras terhadap isu sawit ini.

"Pendekatan kita selepas ini ialah mengadakan lebih banyak hubungan dan libat urus dengan EU serta Amerika Syarikat (AS) mengenai kempen antisawit dan isu buruh paksa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang (RUU) Perbekalan 2022 Peringkat Jawatankuasa bagi KPPK di Dewan Rakyat. -BH

Malaysia pengeksport kayu perabot keenam terbesar di dunia



KUALA LUMPUR
24 NOVEMBER 2021

Malaysia disenaraikan sebagai pengeksport keenam terbesar bagi produk kayu perabot dan mempunyai potensi untuk maju ke hadapan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin berkata, sektor eksport perabot kayu sudah mencapai 14 peratus lebih dari nilai sasaran RM12.5 bilion.

"Sektor perkayuan dan perabot kayu Malaysia berpotensi kerana negara seperti Amerika Syarikat, Britain dan Eropah lebih suka membeli perabot Malaysia kerana kualiti, hasil kerja dan kualiti kerja kita adalah sangat tinggi.

"Pada tahun lepas, nilai eksport sebanyak RM12.3 bilion bagi produk perabot, kayu kumai dan kayu tanggam di seluruh dunia.

"Oleh kerana itu, kementerian melihat industri perkayuan dan perabot kayu Malaysia berpotensi untuk berkembang jauh," katanya dalam majlis pelancaran program Inkubator Reka Bentuk TIMB3R (TIMB3R DIP) dan Hackathon Reimagine. Redesign.Remix di sini. -UTUSAN

RUU Perbekalan 2022 KPPK lulus



KUALA LUMPUR
24 NOVEMBER 2021

Rang Undang-undang (RUU) Perbekalan 2022 Peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) yang dibentangkan menterinya, Datuk Zuraida Kamaruddin diluluskan Dewan Rakyat.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Azizan Harun meluluskan perkara itu setelah mendapat keputusan undian suara majoriti ahli sebentar tadi.

Kelulusan itu membabitkan peruntukan berjumlah RM417,482,300 bagi Perbelanjaan Mengurus Belanjawan 2022. -KOSMO



Industri sawit Malaysia dapat manfaat penggunaan dron dalam tempoh 3 tahun



KUALA LUMPUR
25 NOVEMBER 2021

Malaysia mampu memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi dron di sektor sawit dalam tempoh tiga tahun lagi, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) Datuk Zuraida Kamaruddin.

Dron-dron ini akan dilengkapi dengan kecerdasan buatan (AI) bagi mengenalpasti buah matang dan berkeupayaan untuk mengangkut buah tandan, katanya.

"Kalau ini dapat dilaksanakan, anak muda pasti berminat untuk bekerja dalam industri sawit, seterusnya meningkatkan jumlah pekerja tempatan.

"Ini juga dapat memastikan pekerja asing tetap kekal (di dalam industri) yang lebih mampan," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2022 peringkat Jawatankuasa di Dewan Rakyat. -ASTROAWANI

Kerajaan negeri digesa bina, turap jalan guna teknologi CMB



KUALA LUMPUR
25 NOVEMBER 2021

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) menggesa semua kerajaan negeri supaya membina dan menurap jalan negeri serta desa menggunakan teknologi Bitumen Terubahsuai Getah Bekuan (CMB) dalam usaha membantu kehidupan pekebun kecil.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Willie Mongin, berkata KPPK pada masa sama akan meneruskan pelaksanaan penurapan menggunakan CMB, di samping menggalakkan industri hiliran sedia ada seperti pembuatan sarung tangan getah dan galas getah seismik.

"Sarawak berpotensi mengembangkan industri pemprosesan lateks (dan muncul) sebagai hab baharu pengeluaran lateks di Malaysia dan seterusnya pembuatan produk getah berasaskan lateks seperti sarung tangan," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan Datuk Robert Lawson Chuat (GPS-Betong) sama ada kementerian merancang untuk membuka industri hiliran dan prasarana berasaskan susu getah di Sarawak, selain keperluan dari segi pelaburan dan infrastruktur. -BH

Kerajaan cadang guna kaedah inokulasi pada pokok getah

KUALA BERANG
28 NOVEMBER 2021

Kerajaan bercadang menggunakan kaedah inokulasi atau penyuntikan pada batang pokok getah bagi membolehkan aktiviti menoreh dapat diteruskan walaupun pada musim tengkujuh.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Zuraida Kamaruddin berkata, kaedah itu sedang dalam tempoh percubaan di beberapa kawasan ladang getah termasuk di Melaka dan ia dijangka diperkenalkan kepada pekebun kecil dalam tempoh setahun lagi.

"Kita panggil kaedah ini sistem inokulasi seperti 'injection' atau cucuk dekat batang getah itu dan ada tiub masuk ke dalam bekas yang bertutup. Jadi kalau hujan, dia (pekebun kecil) tidak perlu susah hati lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Jelajah Agrikomoditi #Keluarga Malaysia di Kampung Kepah di sini.

Zuraida berkata, kementeriannya juga sedia memberi bantuan kewangan kepada pekebun kecil untuk membeli alat bagi kaedah inokulasi tersebut yang dijangka berharga antara RM10 hingga RM20 seunit. -HMETRO



Cari kaedah promosi ukiran kayu di pejabat kerajaan



BESUT
28 NOVEMBER 2021

Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) akan mencari kaedah bersesuaian untuk mempromosi ukiran kayu tempatan bagi kegunaan di pejabat-pejabat kerajaan.

Menterinya, Datuk Zuraida Kamaruddin berkata, buat masa ini belum ada polisi untuk membekalkan ukiran kayu ke pejabat kerajaan, sebaliknya dilaksanakan secara individu mengikut kementerian masing-masing.

"Kita akan berbincang kaedah bagaimana boleh laksanakan untuk mempromosikan seni ukiran kayu di pejabat-pejabat kerajaan dan kementerian seperti digunakan pada plak nama, pintu pejabat dan sebagainya.

"Kalau ada 'mass order' kumpulan (pengukir) boleh buat dan bekalkan. Memang ada pejabat kerajaan yang guna ukiran kayu tetapi mengikut kementerian atau individu, tidak ada satu arahan atau polisi.

"Jadi mungkin sebagai menteri komoditi (KPPK), saya minta mereka mempertimbangkan menggunakan kayu-kayu ukiran ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penyerahan Mesin kepada Pengusaha Bumiputera Dalam Industri Pembuatan Bot dan Pelancaran Pelan Strategik Pembangunan Industri Ukiran Kayu Negara (2021-2030) di Desa Ukiran Kayu, di Kampung Raja, di sini. -HMETRO

Peruntukan RM1.5 juta perkasa ukiran kayu Terengganu



BESUT
29 NOVEMBER 2021

Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.5 juta bagi meningkatkan hasil produktiviti ukiran kayu di negeri ini sekali gus memperkasakan sektor terbabit.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Zuraida Kamaruddin berkata, perbelanjaan tersebut adalah bagi keperluan mesin, alatan serta jentera pengukiran kayu.

"Sekarang ini mereka melakukan kerja pengukiran kayu ini secara manual hingga mengakibatkan proses berkenaan sangat lambat, jadi secara tidak langsung melalui penggunaan mesin kerja-kerja ini akan menjadi lebih mudah dan cepat, serta kualiti boleh ditingkatkan.

"Selain meluluskan permintaan untuk membeli mesin-mesin pengukiran bot dan perabot ini, juga ada permintaan agar ia disenaraikan dalam tender kerajaan, kerana selama ini yang ada hanya bidang kayu yang disenaraikan sebagai kayu kayan.

"Jadi kita perlu jadikan ia sebagai subkontraktor, dan kita akan bawa ke Kabinet untuk berbincang dengan Menteri Kewangan agar ia diiktiraf dan juga menjadikan pensijilannya lebih mantap selepas pengiktirafan lebih tinggi dan dihargai," ujarnya. -HARAKAHDAILY

Harga MSM dijangka kekal tinggi hingga 2022



PETALING JAYA
29 NOVEMBER 2021

Penganalisis ekonomi menjangkakan Harga minyak sawit mentah (MSM) akan kekal di atas paras RM4,000 satu tan sehingga hujung tahun 2022.

Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, faktor yang menyokong harga komoditi ketika ini ialah permintaan berterusan daripada pasaran utama iaitu China dan India, serta kenaikan komoditi alternatif iaitu minyak kacang soya.

"Perang tarif antara China dan India sejak 2019 masih lagi berterusan sekaligus menyebabkan pengurangan pembelian minyak kacang soya daripada Amerika Syarikat (AS) sekali gus meningkatkan pembelian MSM oleh China.

"Selain itu, pemulihan ekonomi dunia juga menjadi pendorong kepada peningkatan permintaan pengguna," katanya kepada Utusan Malaysia.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kenaikan harga MSM pada paras tertinggi yang dicatatkan baru-baru ini iaitu sebanyak RM5,400 adalah anugerah kepada para peneroka. -UTUSAN

KPPK perhalusi permohonan geran penanaman baharu sawit



KUALA LUMPUR
30 NOVEMBER 2021

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) sedang memperhalusi permohonan pekebun kecil bagi mendapatkan geran menerusi skim penanaman baharu kelapa sawit yang diluluskan dalam Bajet 2022.

Timbalan Menterinya, Datuk Willie Mongin berkata, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM35 juta di bawah Bajet 2022 untuk membantu pekebun kecil memulakan penanaman baharu mereka.

"Permohonan (pekebun kecil) di bawah skim tersebut sedang diperhalusi," katanya pada sidang akhbar di Parlimen pada Selasa.

Willie berkata, selain peruntukan geran itu, kerajaan juga akan memberikan benih klon kelapa sawit berkualiti serta baja bagi membolehkan pekebun kecil meningkatkan hasil kebun mereka. -SINARHARIAN

MPIC to create more smart smallholders – Zuraida



KUALA LUMPUR
30 NOVEMBER 2021

The Ministry of Plantation Industries and Commodities (MPIC) will produce more smart smallholders by modernising services and increasing the adoption of technology.

Its Minister Datuk Zuraida Kamaruddin said the ministry will expand integrated crops with cash crops or livestock to increase the income of smallholders, especially for the below 40 per cent income (B40) category.

MPIC will also boost the role of cooperatives to provide better support and result to smallholders.

"We will implement new management models or strengthen existing schemes to restructure and support smallholders such as modern cooperatives, contract plantations, cluster estates and social enterprises.

"We will also optimise the implementation of social safety net programmes to maintain the income of smallholders by identifying their needs based on analysis of background information such as age, succession planning, location, level and source of income, health and welfare," she said. -ASTROAWANI

Terbitan Unit Komunikasi Korporat MPIC / November 2021



KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

Sawit ANUGERAH TUHAN

Bersama Hentikan Wabak COVID-19

www.mpic.gov.my

MPOB MTIB MPB IMPAC MPOC MPOCC MRC MTC mtcc